



**KIT PANDUAN PESARA**  
**PANDUAN UMUM UNTUK PESARA KERAJAAN MALAYSIA**  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

'Dikemaskini sehingga 29 April 2022'

Isi Kandungan	i
<b>1. PANDUAN PERSARAAN</b>	<b>1</b>
i) Apakah Faedah Persaraan?	2
ii) Kad Pesara	3
iii) Kod Kad Pesara	4
iv) Opsyen Pembayaran Pencen	5
v) Faedah Terbitan Dan Pembahagian Syer	6
vi) Tempoh Kelayakan Penerima Pencen Terbitan	7
vii) Pembekalan Ubat Kepada Pesara Dan Tanggungan	8-11
viii) Tanggungjawab Pesara Dan Penerima Pencen	12
<b>2. PANDUAN PENJAGAAN KESIHATAN</b>	<b>13</b>
i) Pemakanan	14-16
ii) Tips Penjagaan Kesihatan Diri	17
<b>3. PANDUAN KEWANGAN PERSARAAN</b>	<b>18</b>
i) Panduan Pengurusan Kewangan	19-20
ii) Peka Penipuan ( <i>Scammers Alert</i> )	21
4. Perkhidmatan Dan Aplikasi	22-24
5. Soalan-Soalan Lazim	25-28
6. Rujukan	29-33



## **PANDUAN PERSARAAN**



## APAKAH FAEDAH PERSARAAN?

Faedah Persaraan adalah faedah yang diterima oleh pesara kerajaan apabila telah mencapai tarikh persaraan seperti berikut.

### GANJARAN PERKHIDMATAN

- Formula Pengiraan :

$$7.5\% \quad \times \quad \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan Yang Boleh Dimasuk kira} \quad \times \quad \text{Gaji Pokok Akhir}$$

### PENCEN PERKHIDMATAN (BULANAN)

- Formula Pengiraan :

$$1/600 \quad \times \quad \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan Yang Boleh Dimasuk kira} \quad \times \quad \text{Gaji Pokok Akhir}$$

- Formula Pengiraan tempoh bulan perkhidmatan genap / melebihi had maksima 360 bulan adalah seperti berikut :

### AWARD GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

- Formula Pengiraan :

$$1/30 \quad \times \quad \text{Jumlah GCR (Maksimum sebanyak 150 hari)} \quad \times \quad \text{Gaji Pokok Akhir} + \text{Imbuan Tetap*}$$

- Imbuan Tetap Adalah Merangkumi :
  - a. Imbuan Tetap Khidmat Awam
  - b. Imbuan Tetap Keraian
  - c. Imbuan Tetap Perumahan

## KAD PESARA

Kad Pesara merupakan dokumen pengenalan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA dan KWAP kepada pesara dan

### KEMUDAHAN KAD PESARA:

Untuk melayakkan urusan rawatan dan perubatan, (bersamaan dengan kelayakan gred jawatan terakhir) di Hospital Kerajaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

Contoh Kad Pesara :



### KELAYAKAN WAD \*


(Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2010)

- |                        |                               |
|------------------------|-------------------------------|
| <b>Gred 45 ke atas</b> | - Kelas 1A (Bilik seorang) ** |
| <b>Gred 31 - 44</b>    | - Kelas 1B (Bilik Berdua) **  |
| <b>Gred 21 - 30</b>    | - Kelas 1C (Bilik Bertiga)    |
| <b>Gred 1-20</b>       | - Kelas 2 (Bilik Berempat)    |

\* Kelayakan wad berdasarkan Gred Jawatan terakhir

\*\* Tertakluk kepada kekosongan bilik-bilik tersebut di Hospital Kerajaan

# KOD KAD PESARA



KOD KAD  
PESARA

Berikut merupakan maksud kod-kod bagi jenis perkhidmatan seperti yang tertera di Kad Pesara Kerajaan Malaysia

## 1) Pesara

- AP : Pesara Awam Persekutuan
- AN : Pesara Awam Negeri
- AB : Pesara Awam Badan Berkanun
- AK : Pesara Awam Pihak Berkuasa Tempatan
- AX : Pesara Awam Kesihatan Persekutuan
- AY : Pesara Awam Kesihatan Badan Berkanun
- AS : Pesara Polis
- AW : Pesara Awam Kesihatan Pihak Berkuasa Tempatan

## 2) Balu/Duda (Penerima Pencen Terbitan - setelah kematian pesara)

- BP : Pasangan Pesara Awam Persekutuan
- BN : Pasangan Pesara Awam Negeri
- BB : Pasangan Pesara Awam Badan Berkanun
- BK : Pasangan Pesara Awam Kuasa Tempatan
- BX : Pasangan Pesara Awam Kesihatan Persekutuan
- BY : Pasangan Pesara Awam Kesihatan Badan Berkanun
- BS : Pasangan Pesara Polis
- BW : Pasangan Pesara Kesihatan PBT

## OPSYEN PEMBAYARAN PENCEN

Pencen dibayar secara berkala (iaitu setiap bulan) melalui akaun bank mengikut kaedah pembayaran seperti berikut:

### Skim A

- i. Bayaran secara automatik setiap bulan ke dalam akaun bank persendirian sama ada akaun simpanan atau akaun semasa.
- ii. Pesara mempunyai pasangan yang dikahwini dalam perkhidmatan (iaitu pasangan yang layak diberi pencen terbitan selepas kematian pesara).

### Skim B

- i. Bayaran secara pengkreditan ke dalam akaun bank setiap bulan kepada pesara atau penerima pencen. Walau bagaimanapun, penerima perlu menandatangani borang tuntutan pencen di mana-mana cawangan bank yang dipilih sebelum duit pencen tersebut dikreditkan ke akaun.
- ii. Pesara/penerima pencen tunggal (bujang/duda/balu) dan TIADA pihak lain yang akan menerima pencen terbitan selepas kematian pesara/penerima pencen.
- iii. Penerima pencen yang uzur, OKU atau anak bawah umur 12 tahun.
- iv. Bagi pesara/penerima pencen yang tidak berupaya untuk hadir ke bank pada setiap bulan, Wakil Diri boleh dilantik dengan menggunakan Borang JPA.BP.SKP.B07: "Pelantikan Wakil Diri Untuk Pesara atau Penerima Pencen" dan Borang JPA.BP.SPT.B06: "Maklumat Akaun Bank Penerima Pencen" (dibenarkan penggunaan akaun perseorangan atau akaun bersama).

### Skim A Berwakil (dengan permohonan)

- i. Pesara/penerima pencen (bujang/duda/balu) dan TIADA pihak lain yang akan menerima pencen terbitan selepas kematian pesara kematian pesara / penerima pencen.
- ii. Pesara/penerima pencen boleh membuat penukaran cara bayaran pencen dari Skim B kepada Skim A Berwakil (Pengkreditan Automatik Ke Bank) dengan syarat melantik Wakil Diri dengan menggunakan Borang JPA.BP.SKP.B08: "Permohonan Perlantikan Wakil Skim A" (hanya akaun perseorangan sahaja dibenarkan).

## FAEDAH TERBITAN DAN PEMBAHAGIAN SYER

**Pemberian Pencen Terbitan (PT)** kepada balu atau duda yang dikahwini dalam perkhidmatan dan anak-anak yang layak dibuat berdasarkan prinsip pemberian seperti berikut :

- i. untuk balu atau duda, pemberian pencen terbitan adalah seumur hidup walaupun berkahwin semula;
- ii. untuk anak, pemberian pencen terbitan adalah sehingga mencapai umur 21 tahun atau selagi tidak berkahwin dan sekiranya masih belajar, sehingga tamat pelajaran di peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi; dan
- iii. pemberian pencen terbitan seumur hidup bagi anak yang cacat otak atau hilang upaya jasmani secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri.



**Pemberian Ex-Gratia Terbitan** secara sekaligus kepada ibu atau bapa anggota berpencen yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan tanpa meninggalkan balu/duda atau anak.

**Pemberian Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ)** sebanyak **RM3,000 dibayar** kepada waris yang menguruskan jenazah penjawat awam (tuntutan di Jabatan akhir) atau jenazah pesara (tuntutan di KWAP).

**Pemberian Ex-Gratia Kematian** kepada waris yang layak bagi penjawat awam yang meninggal dunia dengan tempoh perkhidmatan tidak lebih **240 bulan**.



## TEMPOH KELAYAKAN PENERIMAAN PENCEN TERBITAN

**i. Perkahwinan dalam perkhidmatan.**

Tempoh kelayakan penerimaan Pencen Terbitan bagi balu/duda adalah seumur hidup

**i. Perkahwinan Dalam Persaraan.**

Tempoh kelayakan penerimaan Pencen Terbitan bagi balu/duda adalah terhad kepada 20 tahun dari tarikh persaraan pesara.

## SEBAB-SEBAB PENCEN TERHENTI / DITARIK BALIK

### APAKAH KEADAAN-KEADAAN YANG BOLEH MENYEBABKAN TERHENTINYA PENCEN?

- i. Pesara yang telah disahkan melepaskan kewarganegaraan Malaysia miliknya atau menukar status kewarganegaraannya (berkuatkuasa ke atas anggoita lantikan pada/selepas 16 Mei 1986)

### APAKAH KEADAAN YANG BOLEH MENYEBABKAN PENCEN DITARIK BALIK?

Sekiranya pemberian pencen adalah akibat dari tidak mengetahui mengenai fakta atau (ada pihak) sengaja menyembunyikan fakta-fakta matan atau memberikan maklumat palsu yang sepatutnya menjadi sebab-sebab yang mencukupi untuk dibuang kerja atau turun gaji pegawai itu (pesara yang menerima pencen).



# KEMUDAHAN PERUBATAN KEPADA PESARA DAN TANGGUNGAN

## APAKAH KEMUDAHAN PERUBATAN YANG DISEDIAKAN KEPADA PESARA?

Perintah Am Bab F (Perubatan) Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi **kemudahan perubatan percuma** di Hospital/Klinik Kerajaan.

### SIAPAKAH YANG LAYAK?


1. Pesara Awam Persekutuan;
2. Suami/ Isteri;
3. Balu/ Duda (dianggap keluarga pesara selagi tidak berkahwin semula);
4. Anak:
  - i. berumur di bawah 18 tahun; atau
  - ii. sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun; atau
  - iii. anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani dan tidak berupaya menanggung diri sendiri, tidak kira apa jua umurnya dengan syarat kecacatan tersebut dialami sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun.

### PESARA-PESARA NEGERI, BADAN BERKANUN DAN PBT

Bagi pesara negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk penerimaan Tanggungan Kemudaha Rawatan Perubatan oleh pihak berkuasa masing-masing (Jabatan Akhir Pesara) kepada pemakaian PP-Bil.21 Tahun 2009 dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa.

Sila rujuk Carta Alir 1 dan Carta Alir 2 untuk proses pendaftaran, mendapatkan rawatan, dan pengebilan.

**CARTA ALIR 1 :**  
**PENDAFTARAN DAN PENGEBILAN PESAKIT**  
**BAGI PESARA AWAM NEGERI (PAN), BADAN BERKANUN (PBB)**  
**DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)\***  
**(PESAKIT LUAR)**




\* Nota :

Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Bayaran Bil Rawatan Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun.

Ruj. (7) KKM.400-8/1/89 Jld. 12 bertarikh 19 Februari 2020.

PKD : Pejabat Kesihatan Daerah  
 PPD : Pejabat Pergigian Daerah

**CARTA ALIR 2 :**  
**PENDAFTARAN DAN PENGEBILAN PESAKIT**  
**BAGI PESARA AWAM NEGERI (PAN), BADAN BERKANUN (PBB)**  
**DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)\***  
**(PESAKIT DALAM)**



\*Nota :

Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Bayaran Bil Rawatan Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun.

Ruj. (7) KKM.400-8/1/89 Jld. 12 bertarikh 19 Februari 2020.

## PEMANJANGAN KEMUDAHAN PERUBATAN UNTUK IBU BAPA YANG SAH KEPADA PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG BERPENGEN

- Ibu/bapa Pesara Skim Pencen dan Skim KWSP Perkhidmatan Awam Persekutuan layak untuk menikmati kemudahan rawatan dan perubatan percuma di hospital/klinik kerajaan.
- Pemberian ini juga turut layak dinikmati oleh ibu bapa Pegawai Awam Persekutuan yang meninggal dunia di dalam perkhidmatan.
- Kelayakan ibu bapa pesara untuk menikmati kemudahan rawatan dan perubatan percuma ini adalah seumur hidup.

*Pesara perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pesara sebelum kemudahan ini dapat dinikmati.*

**Tafsiran Ibu bapa yang sah** kepada pesara adalah seperti berikut:

1. Ibu kandung/ bapa kandung; **atau**
2. Ibu tiri/ bapa tiri; **atau**
3. Ibu angkat/ bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.

Kemudahan perubatan bagi ibu bapa pesara berpenjen **ADALAH TIDAK MELIPUTI:**

- a. Rawatan perubatan di luar negeri;
- b. Rawatan bagi tujuan pencegahan penyakit;
- c. Pembekalan semua jenis kategori/ alat; serta
- d. Rawatan membuat *crowning*, gigi palsu dan rawatan ortodontik bagi tujuan *corrective measure* yang merupakan rawatan kosmetik.



## TANGGUNGJAWAB PESARA DAN PENERIMA PENCEN

Pesara atau penerima pencen terbitan perlu memaklumkan Bahagian Pencen, JPA atau KWAP mengenai sebarang perubahan maklumat seperti di bawah :

Perkara	Tindakan
a. Kemaskini maklumat (pertukaran alamat atau akaun bank) gantian kad pesara	Lengkapkan borang JPA.BP.UMUM.B05 dan sertakan salinan maklumat akaun baharu
b. Bermastautin di luar negara	Lengkapkan borang : 1. "Pengkakuan Pesara Bermastautin Di Luar Malaysia Di Bawah Undang-undang Pencen" (JPA.BP.SKP.B04) ; dan 2. "Photograph, Thumb Impressions And Specimen Signature Of Malaysia Government Pension Recipient" (JPA.BP.SKP.B06)
c. Perkahwinan selepas bersara	Kemukakan salinan sijil nikah atau dokumen pendaftaran perkahwinan
d. Perceraian	Kemukakan salinan dokumen perceraian
e. Anak kandung, anak tiri atau anak angkat selepas bersara	Kemukakan salinan sijil kelahiran (serta dokumen pendaftaran pengangkatan, sekiranya berkenaan)
f. Dikenakan hukuman mati atau penjara	Kemukakan salinan keputusan hukuman
g. Dihukum bankrap	Kemukakan salinan perintah kebangkrapan serta arahan Jabatan Insolvensi Malaysia
h. Pelepasan daripada kebangkrapan	Kemukakan salinan perintah pelepasan kebangkrapan serta arahan Jabatan Insolvensi Malaysia
i. Perkahwinan (anak)	Kemukakan salinan sijil nikah atau dokumen pendaftaran perkahwinan

Pemakluman seperti di atas boleh dibuat dengan melengkapkan borang-borang berkenaan yang boleh didapati dari pautan 'Senarai Borang' melalui [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) atau [www.kwap.gov.my](http://www.kwap.gov.my). Borang yang telah lengkap diisi boleh dikemukakan secara pos ke KWAP atau secara serahan tangan di kaunter JPA4U / KWAP atau secara e-mel kepada [mypesara@kwap.gov.my](mailto:mypesara@kwap.gov.my)

**Nota:** Pastikan setiap surat atau borang :

- i. disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Penghulu, Penggawa, Ketua Kampung, Ketua Komuniti, Guru Besar atau mana-mana pegawai/ Ketua Pejabat Kerajaan atau Ketua Anak Negeri (jika disyaratkan);
- ii. dicatatkan nama penuh pesara atau penerima pencen, nombor kad pengenalan dan nombor akaun pencen (sekiranya ada), dan catatkan nombor telefon tetap / bimbit;



## **PANDUAN PENJAGAAN KESIHATAN**



## PANDUAN PENJAGAAN KESIHATAN

Kesihatan merupakan satu perkara yang amat penting bagi setiap individu kerana selain daripada tubuh badan yang sihat, seseorang itu juga akan dapat hidup berdikari tanpa bergantung kepada orang lain. Ini amat penting proses penuaan sentiasa berlaku kepada semua orang dan tidak terkecuali kepada pesara.

**Pemakanan yang sihat**

**Bersenam secara kerap**





## PIRAMID MAKANAN MALAYSIA

Piramid Makanan Malaysia merupakan satu panduan mudah bagi individu mempelbagaikan makanan harian mengikut jumlah sajian yang disarankan.

Makanan seimbang mengandungi kombinasi pelbagai jenis makanan untuk memberi kita semua zat makanan yang diperlukan oleh tubuh. Tiada satu pun makanan tunggal yang dapat membekalkan kesemua zat yang diperlukan. Tubuh memerlukan pelbagai jenis makanan dalam kuantiti yang berbeza untuk memelihara kesihatan.



## PANDUAN PENJAGAAN KESIHATAN

### AKTIVITI FIZIKAL MENGIKUT UMUR

# 60

## TAHUN KE ATAS

#### SENAMAN KARDIO

Senaman  
Berintensiti  
Rendah



Berjalan Santai



Senaman  
Tai Chi /  
Qi Gong

#### SENAMAN KARDIO & BEBANAN RINGAN

Senaman  
Berintensiti  
Sederhana



Berkebun



Mengangkat  
bebanan ringan  
di gymnasium /  
rumah

#### SENAMAN KARDIO SEPARA BERAT

Senaman  
Berintensiti  
Tinggi



Mendaki Bukit



Mencuci  
Kenderaan

# 9 TIP MENGEKALKAN JANTUNG SIHAT






## **PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN**



## BAGAIMANA UNTUK MENYIAPKAN DIRI UNTUK BERSARA?


Soalan ini kerap bermain dalam fikiran orang ramai apabila semakin menghampiri alam persaraan. Namun, tiada jawapan yang khusus untuk soalan ini kerana ia banyak bergantung kepada gaya hidup yang diinginkan, tahap kesihatan dan juga keadaan seseorang itu selepas bersara. Selain faedah persaraan, terdapat beberapa aspek utama yang perlu diberi perhatian oleh pesara iaitu pengurusan kewangan dan penjagaan kesihatan yang dikongsikan melalui paparan bergambar.

### PENGURUSAN KEWANGAN




Perkara pertama yang perlu dilakukan ialah menilai keperluan kewangan anda. Setelah bersara, perbelanjaan seperti pakaian ke pejabat, kos pengangkutan / perjalanan ke tempat kerja, makanan dan sebagainya sudah tiada lagi. Walau bagaimanapun, perbelanjaan lain seperti kos perubatan, insurans dan lain-lain lagi mungkin akan meningkat.

**Langkah 1: Tetapkan Keperluan Kewangan Anda**




Setelah menetapkan keperluan kewangan, langkah seterusnya ialah menilai kedudukan kewangan semasa dan membuat pelan untuk menampung keperluan persaraan kelak. Di sini, anda perlu memberi perhatian kepada portfolio pelaburan yang merangkumi simpanan tambahan serta pendapatan anda. Senaraikan juga semua komitmen kewangan yang perlu dijelaskan.

**Langkah 2: Menilai Status Semasa**



Setelah selesai mengumpulkan semua maklumat tersebut, anda boleh mendapatkan nasihat daripada perancang kewangan yang pakar. Ini penting untuk menilai sama ada wang anda sekarang mencukupi atau tidak untuk memenuhi keperluan persaraan kelak. Jika jawapannya tidak, sekurang-kurangnya, anda boleh mengira berapa banyak lagi wang yang diperlukan.

**Langkah 3: Mengira Wang Yang Diperlukan**



Untuk mengekalkan kuasa beli wang anda, pastikan ia berkembang sekurang-kurangnya pada kadar yang sama dengan kadar inflasi untuk mengimbangi kesan negatif inflasi.

**Langkah 4: Berdisiplin Dalam Merancang Kewangan**



## PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN



# PENGURUSAN KEWANGAN

## Penyelewengan dan Penipuan Melalui Internet dan Panggilan.

Akhir-akhir ini, terdapat pelbagai bentuk penyelewengan dan penipuan yang melibatkan panggilan telefon dan e-mel di internet. Walaupun kes-kes ini berlaku secara bermusim, namun ia akan muncul dari semasa ke semasa. Hakikatnya, ramai mangsa tidak berani membuat laporan kerana dibelenggu oleh perasaan malu.

### 6 MODUS OPERANDI PENIPUAN

<b>Membuat Panggilan Telefon</b>	<b>Waktu Panggilan Pada Hujung Minggu Atau Pada Cuti Umum</b>	<b>Menawarkan Hadiah Percuma</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Panggilan telefon merupakan cara paling mudah untuk memperdayakan mangsa.</li><li>• Selain daripada kosnya yang rendah, identiti syarikat atau pihak yang menelefon juga tidak diketahui.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Hujung minggu dan cuti umum adalah masa anda berehat di rumah.</li><li>• Anda juga tidak boleh membuat panggilan kepada syarikat yang terlibat untuk pengesahan (jika menggunakan nama syarikat terkenal).</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat tersebut tidak meminta wang anda secara terus, tetapi menawarkan hadiah percuma untuk memikat hati anda.</li><li>• Syarikat tersebut mendakwa bahawa cabutan tersebut bersempena dengan perayaan ulang tahun syarikat dan sebagainya.</li></ul>
<b>Memujuk Atau Meminta Anda Membuat Keputusan Segera</b>	<b>Meminta Maklumat Buku Akaun Atau Membawa Buku Akaun Bank / ASB Dan Segainya</b>	<b>Meminta Wang Anda Terlebih Dahulu</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat menyatakan bahawa tawaran adalah terhad atau tawaran hanya untuk hari itu sahaja.</li><li>• Anda tidak berpeluang untuk berfikir dan menyemak latar belakang syarikat tersebut.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dengan cara ini, anda boleh membayar kepada syarikat tersebut secara terus atau pada hari yang sama.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Langkah terakhir dan terpenting adalah mereka akan meminta wang daripada anda.</li><li>• Anda perlu membayar wang sebelum menerima hadiah percuma. Syarikat akan mendakwa bahawa pembayaran tersebut sebagai 'bayaran pendahuluan' atau pelbagai nama lagi.</li></ul>



## **PERKHIDMATAN DAN APLIKASI**






## PERKHIDMATAN DAN APLIKASI ATAS TALIAN

Kemudahan atas talian yang disediakan dalam **Portal Rasmi Bahagian Pencen** boleh dicapai melalui [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) atau <https://apps.jpapencen.gov.my/>.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut :

1. Semakan Status Permohonan Persaraan;
2. Cetak Surat Persaraan Pilihan;
3. Semakan Pemberian Taraf Berpencen;
4. Semakan Kelulusan Faedah Persaraan;
5. Semakan Penyata Pencen;
6. Pemakluman Bayaran Ganjaran;
7. Bantuan Mengurus Jenazah;
8. Semak Pindaan Potongan;
9. Cetak Surat Kelulusan Skim A Berwakil;
10. Sistem Maklum Balas;
11. Surat Akuan Pesara;



### Mengapakah **Portal Pencen** ini diwujudkan?

1. Meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap Skim Pencen Sektor Awam di Malaysia;
2. Memudahkan dan meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan;
3. Rujukan bagi bakal pesara, pesara, waris atau pegawai di Jabatan Mengurus dan orang awam; dan
4. Memudahkan bakal pesara dan pesara memuat turun borang-borang berkaitan persaraan.

# APLIKASI MYPESARA




## APAKAH KEMUDAHAN YANG ADA PADA APLIKASI

### MYPESARA?

Aplikasi pintar yang dibangunkan bertujuan memberi kemudahan kepada pesara/penerima pencen / waris pesara sektor awam seperti ;

1. Menyemak maklumat persaraan.
2. Informasi berkaitan faedah persaraan, tips pengurusan kewangan dan kesihatan.



Muat turun aplikasi di Google Playstore (Android) atau Apple App Store (IOS) di telefon pintar / alat mudah alih anda.



**MyPesara**

Available on





## SOALAN-SOALAN LAZIM



## Soalan-Soalan Lazim

### SOALAN 1:

Saya telah dirujuk oleh Pegawai Perubatan Kerajaan di Hospital Kerajaan A untuk mendapatkan rawatan susulan dari Hospital Kerajaan B lain yang jauhnya 50 km sehala. Bolehkan saya buat tuntutan perjalanan?

**Tuntutan perjalanan boleh dibuat kepada pihak KWAP, bagi perjalanan yang melebihi 25 km sehala dengan mengisi borang JPA.BP.UBAT.B04 (Permohonan Tuntutan Perjalanan bagi Tujuan Rawatan Perubatan) yang boleh dimuat turun melalui [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) di pautan 'Senarai Borang'.**

### SOALAN 2:

Saya telah diundang untuk menghadiri Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan oleh pihak Istana Negara dan surat tawaran pengurniaan dikeluarkan oleh Bahagian Istiadat & Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri. Apakah kemudahan yang boleh saya tuntutan?

**Pesara layak untuk menuntut elaun, kemudahan dan bayaran seolah-olah ia bertugas rasmi. Tuntutan boleh dikemukakan kepada Bahagian Istiadat & Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri dengan menggunakan borang tuntutan rasmi yang akan diedarkan sebaik selesai istiadat pengurniaan. Kadar tuntutan adalah mengikut gred jawatan yang terakhir sebelum pegawai bersara.**

## Soalan-Soalan Lazim

### SOALAN 3 :

Saya baru sahaja bersara dan saya terlupa untuk membuat permohonan untuk daftarkan anak OKU tanggungan pesara bagi mendapatkan pertimbangan melayakkan pencen selepas ketiadaan saya nanti, apa perlu saya lakukan?

Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan “**Borang Daftar Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara**” (JPA.BP.UMUM.B04) yang boleh dimuat turun melalui pautan ‘**Senarai Borang**’ di laman web [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) dan kemukakan kepada pihak KWAP setelah lengkap nanti.

### SOALAN 4:

Saya Pesara Awam Persekutuan diminta oleh Doktor Kerajaan untuk menjalani dialisis dengan panel pusat dialisis swasta. Apakah yang perlu saya lakukan bagi memastikan kos perbelanjaan perubatan dan rawatan dialisis saya nanti ditanggung oleh Kerajaan?

Pesara disaran agar memohon kelulusan pembiayaan kemudahan rawatan buah pinggang dari KWAP dengan mengisi Borang Perubatan 1/09 yang telah disahkan oleh doktor / pakar nefrologi. Sertakan sekali sebut harga dari pusat dialisis swasta yang dipilih pesara, salinan kad pengenalan pesara / pesakit dan salinan kad pesara kepada pihak KWAP.

## Soalan-Soalan Lazim

### SOALAN 5 :

Didapati ramai pesara yang telah diperdaya oleh *scammer*. Bagaimana cara untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan penipuan *scammer*?

Pesara boleh membuat semakan terlebih dahulu dengan memasukkan nombor telefon orang yang disyaki sebagai *scammer* atau nombor akaun bank untuk dikreditkan sejumlah wang seperti yang diminta melalui pautan <https://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>.

Selain itu, pesara boleh berbincang dengan ahli keluarga yang terdekat terlebih dahulu mengenai sebarang panggilan telefon yang meminta sebarang transaksi melibatkan wang.

## RUJUKAN MAKLUMAT, PERTANYAAN DAN ADUAN

### JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

#### **Bahagian Pencen**

Aras 5, Blok C2, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

Tel : 03-8000 8000 (atau sila rujuk direktori JPA secara online)

Faks : 03-8888 4028/03-8889 2196

URL : [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) (Portal Pencen)

Facebook : Bahagian Pasca Perkhidmatan (PENCEN)

### JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SABAH)

#### **Bahagian Pencen Cawangan Sabah**

Aras 1, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,

Jalan UMS - Sulaman, Likas, Peti Surat No. 2061, 88450 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : 088-488 661 / 088-488 662 / 088-488 663

Faks : 088-488 664 / 088-488 665

### JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SARAWAK)

#### **Bahagian Pencen Cawangan Sarawak**

Aras 2, Bangunan Marzuki, Lot 1656, Seksyen 65

Jalan Tun Dato' Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub,

Petrajaya 93050 Kuching, Sarawak.

Tel : 082-251 818 / 082-241 144

Faks : 082-250 126

### KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) - KWAP

#### **Jabatan Perkhidmatan Persaraan**

Aras 2, Skytech Tower 2, MKN Embassy Techzone,

Jalan Technokrat 2, Cyber 4


63000 Cyberjaya, Selangor.

Tel : 03-8887 8777 (atau sila rujuk direktori KWAP secara online)

Faks : 03-8887 8770

URL : [www.kwap.gov.my/MY/Pension Services](http://www.kwap.gov.my/MY/Pension Services)

E-mel : [mypesara@kwap.gov.my](mailto:mypesara@kwap.gov.my)



**KAUNTER MYPESARA  
DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SUK)**



## PEJABAT SUK NEGERI MELAKA

- Jabatan Ketua Menteri Melaka  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka.

([nor.aini@melaka.gov.my](mailto:nor.aini@melaka.gov.my))  
([hamiza@melaka.gov.my](mailto:hamiza@melaka.gov.my))

Tel : 06 – 333 3333 samb. 7799  
Tel : 06 – 333 3333 samb. 7798

## PEJABAT SUK NEGERI SEMBILAN

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri  
Jalan Dato' Abdul Malek  
70503 Seremban  
Negeri Sembilan.

([ahmadkham@ns.gov.my](mailto:ahmadkham@ns.gov.my))  
([aszam@ns.gov.my](mailto:aszam@ns.gov.my))

Tel : 06 – 7659 977  
Tel : 06 – 7659 014

## PEJABAT SUK NEGERI JOHOR

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 1, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad  
Kota Iskandar  
79000 Iskandar Puteri  
Johor.

([hasrinkamal@johor.gov.my](mailto:hasrinkamal@johor.gov.my))  
([hairulnisha.rabon@johor.gov.my](mailto:hairulnisha.rabon@johor.gov.my))

Tel : 07 – 2660 727

## PEJABAT SUK NEGERI PAHANG

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Wisma Sri Pahang  
25503 Kuantan  
Pahang.

([khairul.zahirah@pahang.gov.my](mailto:khairul.zahirah@pahang.gov.my))  
([astar@pahang.gov.my](mailto:astar@pahang.gov.my))

Tel : 09 – 5126 621  
Tel : 09 – 5126 660

## PEJABAT SUK NEGERI TERENGGANU

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 8, Wisma Darul Iman  
20503 Kuala Terengganu  
Terengganu.

([ahmadfaris@terengganu.gov.my](mailto:ahmadfaris@terengganu.gov.my))  
([mnasir@terengganu.gov.my](mailto:mnasir@terengganu.gov.my))

Tel : 09 – 622 3679 samb. 6351  
Tel : 09 – 623 1957 samb. 6325

## PEJABAT SUK NEGERI KELANTAN

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim  
15503 Kota Bharu  
Kelantan.

([bpsm@kelantan.gov.my](mailto:bpsm@kelantan.gov.my))  
([nazefah@kelantan.gov.my](mailto:nazefah@kelantan.gov.my))

## PEJABAT SUK NEGERI PERLIS

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 1, Kompleks Undangan Negeri Perlis  
01000 Kangar  
Perlis.

([maslina@perlis.gov.my](mailto:maslina@perlis.gov.my))  
([khairul.amri@perlis.gov.my](mailto:khairul.amri@perlis.gov.my))

Tel : 04 – 973 8961  
Tel : 04 – 973 8914

## PEJABAT SUK NEGERI PERAK

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Bangunan Perak Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 Ipoh  
Perak.

([minha@perak.gov.my](mailto:minha@perak.gov.my))  
([rod@perak.gov.my](mailto:rod@perak.gov.my))

Tel : 05 – 209 5000 samb. 5334

## PEJABAT SUK NEGERI PULAU PINANG

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Paras 45, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10503, Pulau Pinang

([ismawirda@penang.gov.my](mailto:ismawirda@penang.gov.my))  
([sharifahid@penang.gov.my](mailto:sharifahid@penang.gov.my))

Tel : 04 – 650 5759  
Tel : 04 – 650 5495

## PEJABAT SUK NEGERI KEDAH

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 2, Blok 'C' Wisma Darul Aman  
05503 Alor Setar  
Kedah.

([badrulhisham@kedah.gov.my](mailto:badrulhisham@kedah.gov.my))  
([zarinahkader@kedah.gov.my](mailto:zarinahkader@kedah.gov.my))

Tel : 04 – 702 7246  
Tel : 04 – 702 7261



**BAHAGIAN PENCEN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**